

21/09/1999

Rusuhan tidak gugat kerajaan

KANGAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha Datuk Seri Anwar Ibrahim mencetuskan rusuhan dan demonstrasi dengan hasrat menggugat keamanan negara tidak akan menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata BN akan terus mempertahankan kerajaan dan negara daripada jatuh kepada pihak yang cuba membohongi rakyat menerusi pakatan parti pembangkang yang menggelar diri mereka barisan alternatif.

"Memang benar Anwar cuba menggugat kerajaan BN dengan cara mengadakan rusuhan di jalan-jalan di Kuala Lumpur. Ini percubaan. Tapi ia tidak dapat menjatuhkan kerajaan.

"Ia mungkin memburukkan ekonomi negara sedikit...mungkin pelancong tidak datang kerana takut kepada rusuhan, mungkin pelabur asing tidak akan datang dan melabur kerana keadaan tidak aman, mungkin indeks BSKL (Bursa Saham Kuala Lumpur) jatuh kerana kurang keyakinan dan sebagainya.

"Mungkin ini berlaku tapi negara kita ini boleh dipertahankan oleh kerajaan BN yang berwibawa," katanya di majlis perjumpaan dengan pemimpin BN di Dewan Warisan, di sini hari ini.

Hadir bersama kira-kira 2,000 ahli dan penyokong BN ialah Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno dan Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusuf Noor.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa tidak ada parti alternatif yang mampu membangun dan memajukan rakyat serta negara seperti dilakukan BN yang mengamalkan konsep perkongsian kuasa antara semua kaum negara ini.

Katanya, konsep parti Perikatan yang kemudiannya ditukar kepada BN dengan 14 anggota adalah yang terbaik bagi menangani pelbagai perkara berkaitan perbezaan kaum, sekaligus mengimbangi keadaan dalam negara pelbagai kaum.

Beliau berkata, kejayaan konsep perkongsian ekonomi dan kuasa politik secara adil yang diamalkan BN sejak kejadian 13 Mei 1969 juga berjaya membangunkan negara sehingga rakyat hidup dalam aman dan makmur.

Dr Mahathir memberikan contoh bagaimana kegawatan ekonomi yang melanda negara berjaya dilalui tanpa sebarang kejadian tidak diingini seperti rusuhan atau perbalahan kaum.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata BN akan terus kekal seperti sekarang dengan dianggotai parti komponen yang mewakili kaum masing-masing, walaupun jumlah sesuatu kaum itu adalah kecil.

Katanya, selain setiap kaum berpeluang menyuarakan pandangan masing-masing, ia juga membantu menjamin kemenangan BN pada pilihan raya, walaupun komposisi kaum pengundi di sesuatu kawasan itu tidak memihak kepada calon bertanding.

Perdana Menteri juga berkata, menerusi kaedah itu BN sentiasa mencapai kemenangan besar melebihi dua pertiga dan kadang kala mencapai sehingga empat perlima.

Dr Mahathir berkata, ia amat penting bagi menjamin negara mempunyai kerajaan yang kukuh dan bebas membentuk dasar dan tidak mudah dijatuhkan kerana jika memperoleh majoriti mudah, ada wakil rakyat yang boleh berpindah ke parti lawan.

"Misalnya jika kedudukan di dewan 49 kerusi pembangkang dan BN 51 kerusi, kerajaan takut kerana kalau ada yang tidak setuju dengan keputusan kerajaan serta pindah ke parti lain dan kerajaan akan jatuh. Kerajaan yang

dalam ketakutan tidak berani bertindak jika ada orang dalam yang tidak bersetuju.

"Kerajaan yang takut pada ahli Dewan juga tidak boleh bertindak tegas. Ia terbukti dengan sokongan sepenuhnya ketika kerajaan menolak ugutan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) yang menetapkan pelbagai syarat bagi membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta rakyat terus memberi sokongan kepada BN bagi meneruskan pembangunan dan menjamin kesejahteraan serta keamanan rakyat.

Perdana Menteri juga mengingatkan semua parti komponen BN tidak leka dengan keyakinan untuk memenangi pilihan raya akan datang, sebaliknya terus gigih dan bekerjasama rapat tanpa perselisihan bagi memastikan kemenangan.

(END)